

ADAT PERPATIH.

MASYARAKAT DAN PERUBAHAN
(ANT 2001)

DIPLOMA PEMBANGUNAN MANUSIA
EKOLOGI MANUSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1998/99

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

ANT-2001

PERUBAHAN DAN MASYARAKAT

TAJUK: ADAT PERPATIH

ANLI KURIPULAN

252

1 . ERANA BT. ABD SEMAN	59186
2 . SITI ZALEHA BT. ABD WAHAB	58719
3 . ZURAIDAH BT. AMNIN	59090
4 . NUR AIDAH BT. RASHID	58894
5 . MAZLINA BT. MAHADHIR	58691
6 . NURZAFIFA BT. KAMARUNZAMAN	58762
7 . MARLINA BT. RAMLY	59050
8 . RINA AZRIN BT. ABD RAHMAN	65162
9 . NURUL SYAHIDA BT. MAT ARSHAD	58931

Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kami dapat menyiapkan tugas yang bertajuk ADAT PERPATIH dalam tempoh masa yang di tetapkan. Laporan kajian ini adalah hasil kerjasama dan bantuan dari pelbagai pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Penghargaan dan rasa terhutang budi yang sesungguhnya tidak dapat dilahirkan dengan beberapa baris ayat. Namun begitu, kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah yang kami hormati ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM sebagai pensyarah kursus ANT 2001 dan fasilitator kami dalam menyediakan dan mengemaskinikan tugas ini.

Terima kasih juga atas kesudian ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM kerana sudi meluangkan masa untuk mengkritik dan memperbetulkan kesilapan dan kekurangan tugas kami bagi menghasilkan mutu kerja yang baik.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada semua ahli kumpulan kami yang terdiri daripada Era, Eda, Siti, Aida, Maz, Fifa, Jaja, Ina dan Rina yang bertungkus-lumus dan sanggup berkorban masa untuk menyediakan dan menyiapkan tugas serta memberi komitmen yang tinggi sepanjang pemprosesan tugas ini. Ini kerana kami memegang satu prinsip 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Sekian terima kasih

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	
PENGENALAN	1
ADAT PERPATIH BERASAL DARI MINANGKABAU	7
SEBAB-SEBAB DIBERI NAMA ADAT PERPATIH	9
HIDUP PELBAGAI KAUM	12
PECAHAN-PECAHAN SUKU DAN PENTADBIRANNYA	14
HIDUP DALAM SUKU-SUKU	16
LUAK DAN SUKU-SUKU	18
SEMENDA-BERSEMENDA	20
PERTALIAN ANTARA SUKU-SUKU	22
KEDIM-BERKEDIM	24
PEMERINTAHAN BERPEWAKILAN	26
RAJA TIADA BERNEGERI	28
KEPERIBADIAN SEORANG PEMIMPIN	30
CARA-CARA MEMBAHAGI HARTA	34
ADAT YANG SENTIASA BAHARU	37

CARA-CARA MEMBAHAGI HARTA

Menurut Adat Perpatih, harta itu ada dua jenis, iaitu:

(1) Harta Pusaka, dan (2) Harta Carian.

Harta Pusaka ada dua jenis:-

(1) Pusaka Benar dan

(2) Pusaka Sendiri.

Yang dimaksudkan Pusaka Benar termasuklah tanah-tanah sawah, dusun dan ladang, serta rumah yang diwarisi turun-temurun. Pusaka Sendiri (atau pusaka pakaian diri sendiri) ialah segala jenis harta benda yang diwarisi oleh anak daripada orang tuanya.

Semua Pusaka Benar, seperti sawah dan ladang, rumah dan kampung, diturunkan kepada anak-anak perempuan sahaja. Menurut adat, apabila seseorang perempuan itu meninggal dunia maka segala pusaka benar miliknya itu mestilah diturunkan dengan dibahagi-bahagikan secara adil dan saksama kepada anak-anak perempuannya sahaja. Sekiranya perempuan yang meninggal dunia itu tidak meninggalkan seorang pun anak perempuan, maka segala harta pusakanya itu akan terserah kepada perut dan sukunya. Biasanya harta tersebut di turunkan (diserahkan) kepada saudara atau saudara-saudara perempuan yang terdekat kepada si mati itu.

Akan tetapi mereka tidak dibenarkan membuat harta tersebut seperti hartanya sendiri misalnya barang-barang kemas dan lain-lain. Barang-barang perhiasan lelaki seperti keris, tombak, lembing dan lain-lain akan diberikan kepada anak lelaki tetapi

semua barang itu tidak dianggap sebagai harta pusaka. Ia dikatakan “Chenderong Mata” sahaja.

Chenderong mata termasuklah segala hasil padi, buah-buahan dan lain-lain lagi; yang mengikut adat adalah menjadi milik perempuan yang boleh sama di nikmati bersama oleh anak lelakinya sewaktu beliau hidup dengan kaumnya.

Berhubung dengan Harta Carian, Adat Perpatih juga dibahagikan kepada dua jenis :-

- (1) Harta Carian suami isteri semasa sudah berkahwin, dan
- (2) Harta Carian bujang

Bagi kedua jenis Harta Carian ini, Adat Perpatih mengadakan supaya :-

*“Suarang diagih,
sekutu dibelah”.*

Atau

*“Carian dibahagi,
dapatan tinggal,
pembawaan kembali”.*

Peraturan ini dikuatkuasakan apabila pasangan suami isteri itu bercerai atau salah seorang daripada mereka meninggal dunia. *Suarang* dalam bidalan yang pertama di atas ertinya ialah “harta yang dimiliki bersama” atau carian bersama, sementara *sekutu* itu ialah harta pembawaan. Dalam bidalan yang kedua pula, *carian* ialah harta carian bersama, *dapatan* ialah harta pusaka yang diwarisi oleh si isteri dari orang tuanya dan pembawaan ialah harta pemnawaan.

Apabila seorang isteri itu meninggal dunia maka harta carian itu akan berpindah kepada anak-anak perempuan. Akan tetapi apabila si suami pula meninggal dunia maka ia akan ditinggalkan kepada si isteri untuk dibahagi-bahagikan kepada anak-anak perempuannya. Jika pasangan suami isteri itu tidak meninggalkan anak jadi harta

tersebut akan dibahagi-bahagikan kepada balu dan keluarga si mati. Sekiranya pasangan suami isteri itu bercerai hidup, *suarang* itu dibahagikan kepada kedua-dua belah pihak.

Manakala harta pencarian si suami semasa zaman bujangnya, atau harta pencarian bersama-sama isterinya yang terdahulu (dikenali juga sebagai harta pembawaan atau pembawaan atau sekutu) maka apabila si suami itu meninggal dunia harta tersebut harus dikembalikan kepada ibu atau sukunya.

Dalam masyarakat Adat Perpatih seseorang itu di bolehkan untuk menjual atau menggadaikan harta pusakanya dengan syarat beliau harus memberikan sebab-sebab dan alasan-alasan yang memuaskan. Akan tetapi perlakuan tersebut hendaklah dilakukan di kalangan Perut dan Suku sahaja, bermaksud seseorang itu hanya di bolehkan menjual atau menggadaikan harta pusakanya kepada orang di dalam Perut dan Sukunya sahaja. Ini adalah kerana pada dasarnya dahulu, Adat Perpatih memandang dan menganggap segala harta pusaka itu sebagai milik bersama.

Malah sampai sekarang setiap Perut dan Suku dalam setiap Luak masih memiliki sawah dan kampung yang telah di khasnya baginya. Demikian juga dengan jawatan-jawatan Buapak, Lembaga dan Penghulu atau Undang yang kesemuanya itu dianggap sebagai Pusaka Gadang (Pusaka Besar) adalah menjadi milik bersama dalam Perut dan Suku masing-masing.